



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan '**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN
1	MENAIK TARAF DAN PEMBAIKAN STRUKTUR TIANG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PASAR BATU ENAM, KUALA NERUS, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH90/2025)	Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan : B24	11/05/2025 (AHAD) 3.00 PETANG PERKARANGAN PASAR BATU ENAM (DIWAJIBKAN) <i>Hanya Penama dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor dan berdaftar sahaja dibenarkan hadir pada taklimat tersebut.</i>	RM30.00

- Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
- Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang hadir pada sesi lawatan dan taklimat tapak dengan membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebut harga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebut harga.**
- Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **SELASA, 13 MEI 2025** hingga **SELASA, 20 MEI 2025** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Draf Bank yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

- Sebut harga ini akan ditutup pada hari RABU, 21 MEI 2025.** Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan "**Tajuk**" dan "**No. Sebut Harga**" berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18, Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran.
- Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
- Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(DATO' JUSMAN BIN IBRAHIM)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu